



| | | | |
|------------|-----------------------------|-------------|---------------------|
| Headline | Sri Lanka akan laksana iLMS | | |
| MediaTitle | Utusan Malaysia | | |
| Date | 19 Mar 2012 | Color | Full Color |
| Section | Dlm Negeri | Circulation | 197,952 |
| Page No | 25 | Readership | 833,287 |
| Language | Malay | ArticleSize | 328 cm ² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 6,542 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 26,169 |



Colombo bentuk jawatankuasa pelaksanaan sistem e-pembelajaran Utusan Sri Lanka akan laksana iLMS

Oleh WAHID HASHIM

pendidikan@utusan.com.my

KETUA Menteri Wilayah Barat Sri Lanka, Prasanna Ranatunga mengarahkan supaya dibentuk satu jawatankuasa pelaksanaan program pemodenan pendidikan Colombo bagi memastikan solusi e-pembelajaran holistik yang dicadangkan oleh Kumpulan Utusan, yang meliputi kaji selidik awalan, latihan dan program pengurusan perubahan budaya, sistem dan kelestarian dapat dilaksanakan pada tahun ini juga.

Prasanna mempengerusikan sesi perbincangan itu selepas mendengar pembentangan laporan oleh wakil pejabat beliau yang melawat dan melihat sendiri teknologi e-pembelajaran Pakej solusi Tutor Sistem Pengurusan Pembelajaran Pintar (Tutor iLMS) yang dibangunkan Kumpulan Utusan bersama MIMOS Berhad (Mimos).

Lawatan dilakukan pada awal tahun ini.

Turut hadir dalam sesi perbincangan itu ialah Pengarah dan Ketua Pegawai Eksekutif, Biro Pembangunan Ekonomi (Wilayah Barat) Sri Lanka, Janaka Kolonnage; Pentadbir Awam, Jabatan Pendidikan Wilayah, Goonasekara dan Pengarah Pendidikan Wilayah, Prabath Nalaka Illapperuma.

Hadir sama ialah para pegawai perunding daripada One Learning Solution, wakil Kumpulan Utusan Malaysia serta wakil promoter yang beribu pejabat di Colombo.

Pelbagai isu pendidikan disentuh dalam perbincangan berkenaan seperti permasalahan asas dalam pelaksanaan, kegagalan pelbagai pihak yang cuba melaksanakan e-pembelajaran sebelum ini serta isu pembiayaan.

“Kita boleh bermula dengan memilih sekolah daripada semua kategori - pedalaman,

luar bandar dan bandar,” katanya.

Namun begitu, Ketua Menteri Wilayah Barat itu juga berharap Kumpulan Utusan dapat melakukan kajian tentang status semasa pendidikan dan status kemampuan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT) di wilayah jajahannya itu sebelum memulakan projek.

Hal ini, tambah beliau, bagi mengelakkan berlakunya pertindihan inisiatif dengan yang sedia ada serta memastikan projek yang bakal dilaksanakan tidak tergendala oleh halangan infrastruktur dan status sedia ada di sekolah tidak serasi dengan keperluan solusi, khususnya sistem.

Prasanna juga melihat potensi yang besar dalam pelaksanaan iLMS, khususnya dalam menentukan kemampuan individu dalam akademik dan gaya belajarnya, serta sistem pelaporan pencapaian pelajar dan sekolah bermula daripada pelajar, guru, pengetua, ibu bapa, pihak berkuasa pelajaran sehingga ke pejabat beliau sendiri.

Beliau yakin dengan kemampuan sokongan teknologi yang boleh ditawarkan oleh syarikat inovasi ICT kerajaan, Mimos, apabila sistem itu dilaksanakan kelak.

Sementara itu, Pengerusi Institut Pembangunan Sumber Teknologi Maklumat Wilayah Selatan, Theekshana Kumara ketika ditemui pada sebelah petang, mengalu-alukan konsep e-pembelajaran yang hendak dibawa masuk ke Sri Lanka.

Beliau tidak menolak jika konsep itu berjaya di Wilayah Barat iaitu Colombo dan akan mencadangkan supaya ia dilanjutkan ke peringkat pusat supaya dapat dilaksanakan di seluruh Sri Lanka.

Katanya, institut itu sedia bekerjasama dengan Mimos bagi mengembangkan dan mengguna pakai teknologi yang akan dilaksanakan di bawah projek itu kelak.



| | | | |
|------------|-----------------------------|-------------|---------------------|
| Headline | Sri Lanka akan laksana iLMS | | |
| MediaTitle | Utusan Malaysia | | |
| Date | 19 Mar 2012 | Color | Full Color |
| Section | Dlm Negeri | Circulation | 197,952 |
| Page No | 25 | Readership | 833,287 |
| Language | Malay | ArticleSize | 328 cm ² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 6,542 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 26,169 |



PRASANNA Ranatunga mempengerusikan perbincangan tentang pelaksanaan projek iLMS Utusan di pejabatnya di Colombo, baru-baru ini.